

**RHB ISLAMIC BANK BERHAD**  
**RHB PREMIER VISA INFINITE CREDIT CARD-i**  
**TERMS AND CONDITIONS (EFFECTIVE OCTOBER 2019)**

The following Terms and Conditions shall govern the use of RHB Premier Visa Infinite Credit Card-i issued by RHB Islamic Bank Berhad which shall be binding on the Cardholders. The Terms and Conditions herein shall be read together with the RHB Islamic Cardholder Agreement Terms and Conditions. Please ensure that you read and understand the Terms and Conditions herein and the RHB Islamic Cardholder Agreement Terms and Conditions before accepting the same. You shall be deemed to have accepted the Terms and Conditions herein and the RHB Islamic Cardholder Agreement Terms and Conditions and shall be bound by them by signing on or the use of your RHB Premier Visa Infinite Credit Card-i.

1. In this Terms and Conditions, the definition of terms shall be as set out below, except where the context otherwise requires:
  - 1.1. "Reward Points" means RHB reward points earned by the Cardholder in respect of expenditure charged to the Card.
  - 1.2. "Award" means the award of Reward Points to the Cardholder issued by RHB Islamic Bank Berhad ("RHB Islamic") by the participating partners and/or RHB Islamic;
  - 1.3. "Card" means RHB Premier Visa Infinite Credit Card-i issued by RHB Islamic;
  - 1.4. "Cardholder" means the holder of the Card which shall include the holder of the Supplementary Card(s);
  - 1.5. "Principal Card" means any principal Visa Card issued by RHB Islamic to a Principal Cardholder.
  - 1.6. "Supplementary Card" means any supplementary Visa Card issued by RHB Islamic to a Supplementary Cardholder;
  - 1.7. "Participating Merchant" means the agreement between RHB Islamic and the Partner Merchant in respect of the Reward Points Programme;
  - 1.8. "Flight Rewards" means the transfer of Reward Points to the participating airline(s) available for frequent flyers on such airline(s);
  - 1.9. "MCC" means Merchant Category Codes;
2. Under the Card, the Cardholder shall be eligible to participate in various reward programme offered by RHB Islamic as highlighted in this Terms and Conditions and as informed by RHB Islamic from time to time.
3. Subject to the Terms and Conditions stated herein, Cardholders shall be eligible for Reward Points pursuant to the following Terms and Conditions:-
  - 3.1. There is no expiry date for Reward Points earned by the Cardholder from the Card.
  - 3.2. The RHB Rewards programme of RM1 = 8 Reward Points will be awarded to the Cardholder when they spend with the Card as follows:
    - 3.2.1 For all overseas retail purchases. Points earned on the amount debited to the Cardholders' card account in Ringgit Malaysia (RM) for all eligible overseas purchases.
  - 3.3 The RHB Rewards programme of RM1 = 3 Reward Points will be awarded to the Cardholder when they spend with the Card as follows:
    - 3.3.1 For local retail purchases on airlines, dining, duty-free shopping, hotels and online MCC. Points earned on the amount debited to the Cardholder's card account in Ringgit Malaysia (RM) for all eligible purchases as stated herein.

Please refer to RHB Banking Group's website at [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) for further details on the MCC listing.
- 3.4 The assignment of Merchant Category for each merchant is subject to classification by the respective acquiring banks and it is the responsibility of the particular acquiring bank to assign the correct Merchant Category. RHB Islamic shall not be held responsible for any incorrect assignment of the Merchant Category that may result in non-posting of Reward Points for the retail transactions at the eligible merchants. The Cardholder shall not be entitled to claim for any compensation against

RHB Islamic for such non-posting of the Reward Points due to incorrect assignment for the Merchant Category by the respective Merchant's acquiring bank.

### 3.5 Flight Rewards Redemption

3.5.1 RHB Islamic may at our discretion revoke and withdraw participation in any of the frequent flyer programme and/or revise the said redemption rate with notice.

3.5.2 Only those Cardholders who have successfully registered with the participating airlines' frequent flyer programme will be able to redeem for frequent flyer programme points.

3.5.3 Please allow sixty (60) days for the conversion and transfer of Flight Rewards from the date of receipt of the order form.

3.5.4 Cardholders may transfer their Reward Points from the Cardholders' Card account into any one or more frequent flyer programme accounts from the Cardholders' name only. There shall be no reversion upon the successful conversion and transfer of the Reward Points to the participating airlines' frequent flyer programme.

3.5.5 Cardholders are subject to and must comply with the terms and conditions of the relevant participating airline's frequent flyer programme that in turn will be governed by the terms and conditions, rules, regulations, policies and procedures of the participating airline's frequent flyer programme.

### 3.6 All Reward Points awarded and earned by Cardholders will be awarded at the Card account.

Cardholders will be able to view the total accumulated Reward Points by:-

3.6.1 Viewing the balance of Reward Points on the monthly Card statement under the column "REWARDS" (Reward Points = Rewards). For the avoidance of doubt, dispute and not withstanding any clause or provision in terms of the inconsistency of the Reward Points balance amount stipulated or printed on the credit card transaction payment receipt, statement, payment or redemption terminal from any of the Reward Points participating merchants outlet against the Reward Points recorded in the RHB Credit Card system shall prevail to the extent of such inconsistency.

### 3.7 Reward Points redemption is applicable only to existing Principal Cardholders. All existing and valid Cardholders will have to go through the authentication, identification or verification process and upon being successfully accepted by the customer service personnel as the genuine Cardholder then the said Cardholder is allowed to perform the Reward Points redemptions.

### 3.8 The Reward Points participating merchants are under the sole discretion of RHB Islamic. RHB Islamic has the right to add, reduce or cancel any participating merchants from the Reward Points Programme at any time with notice.

### 3.9 Unless otherwise specified or allowed, all awards of Reward Points are not to be used in conjunction with any other promotions, discounts or vouchers. All deals/merchandise redeemed by the Cardholder is subject to the Terms and Conditions.

### 3.10 In determining the amount paid for the purchase of goods and/or services for purposes of calculation of Reward Points, petrol purchases, charity and government transactions, annual card membership fees, actual management fees, late payment compensation fee, Card Service Tax (CST) and/or any applicable taxes imposed from time to time, cash advances, and other fees and charges shall not be taken into account provided always that Bank is entitled, in its discretion, at any time and from time to time with notice, to take into account any card transaction or charges or purchase in the calculation of Reward Points.

### 3.11 Redemption may only be made upon verification of the Cardholder's identity by RHB Islamic in accordance with these Terms and Conditions or the Partner Merchant's Agreement.

3.11.1 RHB Islamic may require Cardholders to produce their valid Card or verification details before processing any redemption.

3.11.2 RHB Islamic shall not be responsible for any unauthorized redemption or any other transaction involving Reward Points howsoever arising (even if the Cardholder had informed RHB Islamic that the Card had been lost or stolen).

3.11.3 For certain Partner Merchants (as may be determined by RHB Islamic or the Partner Merchant from time to time), the Cardholder acknowledges and agrees that any redemption by the Cardholder must be made in full (and no partial redemption is permitted)

- 3.12 Reward Points and all other points awarded by RHB Islamic will cease to be valid after the Card has been cancelled and terminated. For the avoidance of doubt, the Cardholder shall not be entitled to any compensation in respect of such cancellation and termination.
- 3.13 No redemption is allowed upon the Card cancellation and termination or during an inactive card status as shall be determined by RHB Islamic.
- 3.14 Subject to Clause 3.10, the RHB Rewards programme of RM1 = 1 Reward Point will be awarded to Cardholder when they spend with the Card. All rewards programme Terms and Conditions shall apply.
- 3.15 Adjustments will be made to the Reward Points accrued in the Cardholders' account if there are any credit(s) or debit(s) posted to a Cardholders' account, including those arising from returned goods or service, or from billing disputes. Any disputed transactions/ billing will not be accredited with Reward Points.
- 3.16 Additional Reward Points may be given from time to time on tactical campaigns i.e. specific campaigns that are immediate or short-term in duration. For tactical campaigns' terms and conditions, please refer to RHB Islamic's website at [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) for more details.
- 3.17 Effective 25<sup>th</sup> October 2018, all credit card retail spend or payments via JomPay and FPX is not entitled for cash back and Reward Points.
- 3.18 The Card is prohibited from being used for transactions at the outlets of Partner Merchants that participate in or sells or conduct Shariah non-compliant activities/product/services, which includes the MCC codes as set out below:
  - 3.18.1 MCC 5921 – Packages Beer, Wine and Liquor.
  - 3.18.2 MCC 5993 – Cigar Stores and Stands.
  - 3.18.3 MCC 7995 – Gambling Transactions.
  - 3.18.4 MCC 7273 – Dating & Escort Services
- 4 Subject to the terms herein, the Cardholder shall be eligible for preferred rate pursuant to the following terms and conditions:-
  - 4.1 The Cardholder shall be eligible for a preferred rate at RHB Bureau-De-Charge for major foreign currencies.
- 5 The various reward programmes is applicable to the Principal and Supplementary Cardholders with active and good conduct of account, not blocked, cancelled or terminated by RHB Islamic.
- 6 The various reward programme awarded are not redeemable for cash or credit and not transferable. The various reward programme awarded to the Cardholder is not mutually exchangeable or transferable and cannot be used in substitution of each other for purposes of redemption.
- 7 Without prejudice to the generality of the foregoing clauses in these Terms and Conditions, if any one or more of the following shall occur:-
  - 7.1 The Cardholder abuses the programme in any manner whatsoever; or
  - 7.2 The Cardholder commits any fraud or misrepresents any information supplied or to be supplied. Then RHB Islamic shall be entitled to revoke all rights accorded to the Cardholder under the Card.
8. Bank's decision is final and no correspondence disputing RHB Islamic's decision shall be entertained.
9. RHB Card Centre's decision on your liability in the event of loss, theft or misplace or the Card/s or where the PIN is disclosed, misplaced or compromised shall be deemed final and conclusive and binding upon the Cardholder.
10. Until or unless a written notification as stated above is received and confirmed by RHB Card Centre, the Cardholder shall continue to remain liable to RHB Card Centre for all charges and advances whatsoever arising from all transactions, whether authorized or unauthorized, incurred on the Card/s together with fees, actual management fees, regardless if aggregate amount thereof exceeds the prescribed credit limit. It is hereby agreed that RHB Islamic shall not be under a duty to ensure that the credit limit prescribed by RHB Card Centre is not exceeded.

11. RHB Islamic reserves the right provided that RHB Islamic has given notice of twenty one (21) calendar days to the Cardholder to add, delete, alter or amend any of these Terms and Conditions at any time before the effective date. At the discretion of RHB Islamic, notice of such additions or modifications or amendments may be effected by:

11.1 Displaying the same at the premises of RHB Islamic or its branch offices or by mailing the aforesaid notice to the Cardholder; or

11.2 Sending notice of the same by Short Messages Service ("SMS") or electronic mail to the Cardholder or by posting the notice of the same on RHB's website.

Such changes will apply on the effective date specified by RHB Islamic and will apply to all outstanding balances in the Visa or MasterCard Account. Retention or use of the Card after the effective date of any change of Terms and Conditions shall be deemed to constitute acceptance of such changes without reservation by the Cardholder.

12. RHB Islamic shall not be responsible or liable to any Cardholder for any inconvenience, loss or damage or embarrassment incurred or suffered by Cardholder as a consequence of, but not limited to:-

a) any malfunction, defect or error in any terminal, or other machines, or system of authorization, howsoever caused; or

b) any rejection of Card or PIN by any terminal at the Partner Merchants' outlets or any failure to effect or complete any transaction howsoever caused; or

c) any delay or inability on the part of RHB Islamic to perform any of its obligations pursuant to this Agreement because of any electronic, mechanical, system, data processing or telecommunication defect or failure, or any event outside its control or the control of any of the Partner Merchants; or

d) any delay, inability or refusal on the part of the Partner Merchant to perform any of their obligations pursuant to their Partner Merchant's agreement for any reason whatsoever.

13. The relevant Terms and Conditions highlighted herein are correct and applicable at the time of printing. Please refer to RHB's website at [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) for any future updates in relation to the Card.

-End of Terms & Conditions-  
Last Updated 11 October 2019

**RHB ISLAMIC BANK BERHAD**  
**KAD KREDIT-i VISA INFINITE RHB PREMIER**  
**TERMA DAN SYARAT (BERKUATKUASA PADA OCTOBER 2019)**

Terma dan Syarat yang berikut akan mengawal penggunaan **Kad Kredit-i Visa Infinite RHB Premier** yang dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank Berhad yang akan mengikat ke atas Pemegang Kad. Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma dan Syarat Perjanjian Kad RHB Islamic. Sila pastikan yang anda telah membaca dan memahami Terma dan Syarat yang dinyatakan di dalam dokumen ini dan Terma dan Syarat Perjanjian Kad RHB sebelum menerima kedua-duanya. Anda dianggap telah menerima Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini dan Terma dan Syarat Perjanjian Kad RHB Islamic dan akan terikat dengannya apabila menandatangani atau menggunakan Kad Kredit-i Visa Infinite RHB PREMIER.

1. Dalam Terma dan Syarat ini, takrif ungkapan hendaklah sebagaimana yang dinyatakan di bawah, melainkan jika konteksnya menghendaki yang sebaliknya:
    - 1.1 “Mata Ganjaran” bermaksud mata ganjaran RHB Islamic yang diperoleh oleh Pemegang Kad berkaitan perbelanjaan yang dicajkan kepada Kad;
    - 1.2 “Hadiah” bermaksud hadiah Mata Ganjaran kepada Pemegang Kad yang dikeluarkan oleh RHB Islamic Bank Berhad (“RHB Islamic”) oleh rakan kongsi yang turut serta dan/atau RHB Islamic;
    - 1.3 “Kad” bermaksud Kad Kredit-i Visa Infinite RHB Premier yang dikeluarkan oleh RHB Islamic;
    - 1.4 “Pemegang Kad” bermaksud pemegang Kad yang memegang Kad; yang termasuklah pemegang Kad Tambahan;
    - 1.5 “Kad Utama” bermakna Kad Kredit VISA utama yang dikeluarkan oleh RHB Islamic kepada Pemegang Kad Utama;
    - 1.6 “Kad Tambahan” bermaksud Kad tambahan yang dikeluarkan oleh RHB Islamic kepada Pemegang Kad Tambahan;
    - 1.7 “Peniaga yang Turut Serta” bermaksud perjanjian antara RHB Islamic dengan Peniaga Rakan Kongsi berkaitan program Mata Ganjaran;
    - 1.8 “Ganjaran Penerbangan” bermaksud pemindahan Mata Ganjaran kepada syarikat penerbangan yang turut serta yang disediakan untuk pengguna penerbangan kerap bagi syarikat penerbangan sedemikian;
    - 1.9 “MCC” bermaksud Kod Kategori Peniaga.
  2. Pemegang Kad adalah layak menyertai pelbagai program ganjaran yang ditawarkan melalui Kad oleh RHB Islamic sebagaimana yang diserlahkan dalam Terma dan Syarat ini dan sebagaimana yang diberitahu oleh RHB Islamic dari semasa ke semasa.
  3. Tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di dalam dokumen ini, Pemegang Kad layak mendapat hadiah Mata Ganjaran menurut Terma dan Syarat yang berikut:
    - 3.1 Tidak ada tarikh tamat tempoh bagi Mata Ganjaran yang diperoleh Pemegang Kad daripada penggunaan Kad;
    - 3.2 Program Ganjaran RHB bagi RM1 = 8 Mata Ganjaran akan dihadiahkan kepada Pemegang Kad apabila mereka berbelanja menggunakan Kad seperti yang berikut:
      - 3.2.1 Bagi semua pembelian runcit di luar negara: Mata diperoleh bagi amaun yang didebitkan kepada akaun Pemegang Kad dalam Ringgit Malaysia (RM) untuk semua pembelian yang layak di luar Negara.
    - 3.3 Program Ganjaran RHB bagi RM1 = 3 Mata Ganjaran akan dihadiahkan kepada Pemegang Kad apabila mereka berbelanja menggunakan Kad seperti yang berikut: Bagi pembelian runcit tempatan ke atas penerbangan, makan minum, perbelanjaan bebas cukai, hotel, dan MCC dalam talian. Mata yang diperoleh bagi amaun yang didebitkan kepada akaun kad Pemegang Kad dalam mata wang Malaysia (RM) bagi semua pembelian yang layak sebagaimana yang dinyatakan di dalam dokumen ini.
- Sila rujuk laman sesawang RHB di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) untuk butiran lanjut tentang senarai MCC.
- 3.4 Pemberian Kategori Peniaga kepada setiap peniaga tertakluk pada pengelasan oleh bank perolehan masing-masing dan menjadi tanggungjawab bank perolehan tertentu untuk memberikan Kategori

Peniaga yang betul. RHB Islamic tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa pemberian Kategori Peniaga yang tidak betul yang boleh menyebabkan tiada pemberian Mata Ganjaran bagi urus niaga runcit di tempat peniaga yang layak. Pemegang Kad tidak berhak menuntut apa-apa pampasan terhadap RHB Islamic bagi Mata Ganjaran yang tidak dimuatkan disebabkan pemberian Kategori Peniaga yang tidak betul oleh bank perolehan Peniaga masing-masing.

### 3.5 Penebusan Ganjaran Penerbangan

- 3.5.1 RHB Islamic boleh, atas budi bicaranya membatalkan dan menarik balik penyertaannya dalam mana-mana program pengguna penerbangan kerap dan/atau mengkaji semula kadar penebusan dengan pemberitahuan.
- 3.5.2 Hanya Pemegang Kad yang berjaya mendaftar dengan program pengguna penerbangan kerap syarikat penerbangan yang turut serta akan dapat menebus mata program pengguna penerbangan kerap.
- 3.5.3 Sila berikan masa enam puluh (60) hari untuk menukar dan memindahkan Ganjaran Penerbangan dari tarikh penerimaan borang pesanan.
- 3.5.4 Pemegang Kad boleh memindahkan Mata Ganjaran mereka daripada akaun Kad Pemegang Kad ke dalam mana-mana satu atau lebih akaun program pengguna penerbangan kerap atas nama Pemegang Kad sahaja. Apabila penukaran dan pemindahan Mata Ganjaran berjaya dilakukan kepada program pengguna penerbangan kerap bagi syarikat penerbangan yang turut serta, penukaran dan pemindahan ini tidak boleh dibalikkan.
- 3.5.5 Pemegang Kad tertakluk pada dan mesti mematuhi Terma dan Syarat program pengguna penerbangan kerap syarikat penerbangan yang turut serta yang seterusnya akan dikawal melalui Terma dan Syarat, peraturan, undang-undang, dasar dan tatacara yang relevan bagi program pengguna penerbangan kerap syarikat penerbangan yang turut serta.

### 3.6 Semua Mata Ganjaran yang diberikan dan diperolehi oleh Pemegang Kad akan dihadiahkan pada akaun Kad. Pemegang Kad akan dapat melihat jumlah terkumpul Mata Ganjaran dengan:

- 3.6.1 Melihat baki Mata Ganjaran pada penyata bulanan Kad di bawah lajur "GANJARAN" (Mata Ganjaran = Ganjaran). Untuk mengelakkan keraguan, pertikaian dan tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan atau klausa dari segi ketidakseragaman amaun baki Mata Ganjaran yang dinyatakan atau dicetak pada resit pembayaran urus niaga kad kredit-i, penyata, pembayaran atau terminal penebusan daripada mana-mana Mata Ganjaran kedai luar peniaga yang turut serta, Mata Ganjaran yang direkodkan dalam sistem Kad RHB hendaklah mendahului sehingga ke tahap ketidakseragaman sedemikian.

### 3.7 Penebusan Mata Ganjaran hanya terpakai bagi Pemegang Kad Utamal sedia ada. Semua Pemegang Kad sedia ada yang sah perlu melalui proses pengesahan, pengenalpastian atau penentusahan dan apabila berjaya diterima oleh kakitangan perkhidmatan pelanggan sebagai Pemegang Kad yang asli, maka Pemegang Kad berkenaan dibenarkan melakukan penebusan Mata Ganjaran.

### 3.8 Peniaga yang turut serta dalam Mata Ganjaran adalah di bawah budi bicara RHB Islamic. RHB Islamic berhak menambah, mengurangkan atau membatalkan mana-mana peniaga yang turut serta daripada Program Mata Ganjaran pada bila-bila masa dengan pemberitahuan.

### 3.9 Melainkan dinyatakan atau dibenarkan sebaliknya, semua hadiah Mata Ganjaran tidak boleh digunakan bersama-sama dengan mana-mana promosi, diskaun atau baucar lain. Semua tawaran/barangan yang ditebus oleh Pemegang Kad tertakluk pada Terma dan Syarat RHB Islamic.

### 3.10 Dalam menentukan amaun yang dibayar bagi pembelian barangan dan/atau perkhidmatan untuk tujuan pengiraan Mata Ganjaran, pembelian petrol, urus niaga amal dan kerajaan, yuran tahunan keahlian kad, faedah, caj pembayaran lewat, Cukai Perkhidmatan Kredit dan/atau apa-apa cukai terpakai yang dikenakan dari semasa ke semasa, pendahuluan tunai, dan fi dan caj lain tidak akan diambil kira, dengan sentiasa menjadi syarat bahawa RHB Islamic berhak, menurut budi bicaranya, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis, untuk mengambil kira apa-apa urus niaga kad atau caj atau pembelian dalam pengiraan Mata Ganjaran.

### 3.11 Penebusan hanya boleh dilakukan selepas penentusahan identiti Pemegang Kad oleh RHB Islamic menurut Terma dan Syarat ini atau Perjanjian Peniaga Rakan Kongsi.

- 3.11.1 RHB Islamic boleh menghendaki Pemegang Kad untuk menunjukkan Kad yang sah atau butir penentusahan mereka sebelum memproses apa-apa penebusan.

- 3.11.2 RHB Islamic tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa penebusan yang tidak dibenarkan atau apa-apa urusan niaga lain yang melibatkan Mata Ganjaran walau bagaimana sekalipun timbul (walaupun jika Pemegang Kad telah memberitahu RHB Islamic bahawa Kad mereka hilang atau dicuri).
- 3.11.3 Bagi Peniaga Rakan Kongsi tertentu (sebagaimana yang ditentukan oleh RHB Islamic atau Peniaga Rakan Kongsi dari semasa ke semasa), Pemegang Kad memperakui dan bersetuju bahawa apa-apa penebusan oleh Pemegang Kad mesti dibuat sepenuhnya (dan tiada penebusan sebahagian yang dibenarkan).
- 3.12 Mata Ganjaran dan semua mata lain yang dihadiahkan oleh RHB Islamic tidak lagi sah selepas Kad dibatalkan dan ditamatkan. Untuk mengelakkan keraguan, Pemegang Kad tidak berhak mendapat apa-apa pampasan disebabkan pembatalan dan penamatan sedemikian.
- 3.13 Tidak ada penebusan yang dibenarkan apabila berlaku pembatalan dan penamatan Kad atau semasa tempoh status kad tak aktif sebagaimana yang ditentukan oleh RHB Islamic.
- 3.14 Tertakluk pada Klausula 3.10, Program Ganjaran RHB bagi RM1=1, Mata Ganjaran akan dihadiahkan kepada Pemegang Kad apabila mereka berbelanja menggunakan Kad. Semua Terma dan Syarat program ganjaran hendaklah terpakai.
- 3.15 Ubahsuaian akan dibuat terhadap Mata Ganjaran yang terakru dalam akaun Pemegang Kad jika terdapat apa-apa kredit atau debit yang dimuatkan ke dalam akaun Pemegang Kad, termasuk yang timbul daripada barangan atau perkhidmatan yang dikembalikan, atau daripada pertikaian pengebilan. Apa-apa urusan niaga/pengebilan yang dipertikaikan tidak akan dihadiahkan dengan Mata Ganjaran.
- 3.16 Mata Ganjaran tambahan boleh diberikan dari semasa ke semasa untuk kempen taktikal, iaitu kempen khusus yang serta-merta atau tempohnya jangka pendek. Bagi Terma dan Syarat kempen taktikal ini, sila rujuk laman sesawang RHB di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- 3.17 Berkuatkuasa pada 25 Oktober 2018, semua perbelanjaan atau pembayaran runcit Kad melalui JomPay dan FPX tidak layak untuk pulangan tunai dan mata ganjaran.
- 3.18 Untuk Kad yang dikeluarkan oleh RHB Islamic, larangan penggunaan Kad di kedai saudagar yang menjalankan aktiviti/produk/perkhidmatan yang tidak patuh Syariah dilakukan melalui sekatan KKP seperti berikut:
- 3.18.1 KKP 5921 – Pakej Bir, Wain dan Minuman Keras.
  - 3.18.2 KKP 5993 – Kedai dan Gerai Rokok.
  - 3.18.3 KKP 7995 – Transaksi Perjudian.
  - 3.18.4 KKP 7273 - Perkhidmatan Dating & Pengiring
4. Tertakluk pada terma yang terkandung di dalam dokumen ini, Pemegang Kad adalah layak mendapat kadar keutamaan menurut Terma dan Syarat yang berikut:
- 4.1 Pemegang Kad adalah layak mendapat kadar keutamaan di RHB *Bureau-De-Charge* bagi mata wang asing yang utama.
5. Program ganjaran yang pelbagai tersedia untuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan yang aktif dan dengan keadaan akaun yang baik, tidak disekat, dibatalkan atau ditamatkan oleh RHB Islamic.
6. Pelbagai program ganjaran yang diberikan tidak boleh ditebus untuk wang tunai atau kredit dan tidak boleh dipindah milik. Pelbagai program ganjaran yang diberikan kepada Pemegang Kad tidak boleh saling ditukarkan atau dipindah milik dan tidak boleh digantikan dengan yang lain untuk tujuan penebusan.
7. Tanpa menjejaskan keluasan makna dalam klausa yang disebutkan sebelum ini dalam Terma dan Syarat ini, jika mana-mana satu atau lebih daripada yang berikut akan berlaku:
- 7.1 Pemegang Kad menyalahgunakan program walau dengan apa-apa cara sekalipun; atau
  - 7.2 Pemegang Kad melakukan apa-apa penipuan atau memberikan gambaran yang salah bagi apa-apa maklumat yang diberikan atau akan diberikan, maka RHB Islamic berhak membatalkan semua hak yang diberikan kepada Pemegang Kad di bawah Kad ini.
8. Keputusan RHB Islamic adalah muktamad dan tidak ada surat-menyurat yang mempertikaikan keputusan RHB Islamic yang akan dilayan.

9. Keputusan Pusat Kad RHB di atas liabiliti anda sekiranya berlaku kerugian, kecurian atau salah letak Kad atau sekiranya PIN didedahkan, dicurigaisalah letak akan dianggap mutakhir, muktamad dan mengikat ke atas Pemegang Kad.
10. Sehingga atau melainkan suatu pemberitahuan bertulis sebagaimana yang dinyatakan di atas diterima atau disahkan oleh Pusat Kad RHB, Pemegang Kad akan terus bertanggungjawab terhadap Pusat Kad RHB bagi semua caj dan pendahuluan yang apa juapun yang timbul daripada semua urusan niaga, sama ada dibenarkan atau tidak dibenarkan, ditanggung pada Kad bersama-sama dengan fi, keuntungan dan/atau yuran pengurusan sebenar, tanpa mengambil kira jika amaun terkumpul baginya melebihi hak kredit yang ditetapkan. Maka dengan ini dipersetujui bahawa RHB Islamic tidak akan dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa had kredit yang ditetapkan oleh Pusat Kad RHB tidak dilebihi.
11. RHB Islamic berhak dengan syarat RHB Islamic telah memberikan notis dua puluh satu hari (21) kalendar kepada Pemegang Kad untuk menambah, membuang, mengubah atau meminda mana-mana Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa sebelum tarikh kuat kuasa. Atas budi bicara RHB Islamic, notis bagi tambahan atau ubahsuaian atau pindaan sedemikian boleh dilaksanakan dengan:
- 11.1 Memaparkan perkara yang sama di premis RHB Islamic atau cawangannya atau dengan mengeposkan notis yang disebutkan sebelum ini kepada Pemegang Kad; atau
  - 11.2 Menghantar notis yang sama melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau mel elektronik kepada Pemegang Kad atau dengan memuat naik notis yang sama ke laman sesawang RHB, atau
  - 11.3 Apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh RHB Islamic.
- Perubahan sedemikian akan digunapakai pada tarikh kuat kuasa yang ditentukan oleh RHB Islamic dan akan diguna pakai kepada semua baki yang masih belum dijelaskan dalam Akaun Visa atau MasterCard. Penyimpanan atau penggunaan Kad selepas tarikh kuat kuasa apa-apa perubahan Terma dan Syarat akan dianggap menjadi penerimaan bagi perubahan sedemikian tanpa sebarang keraguan oleh Pemegang Kad.
12. RHB Islamic tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana Pemegang Kad bagi apa-apa kesukaran, kehilangan atau kerosakan atau dimalukan yang ditanggung atau dialami oleh Pemegang Kad disebabkan tetapi tidak terhad kepada:
- a) apa-apa pincang tugas, kerosakan atau kesilapan di mana-mana terminal, atau mesin lain, atau sistem pengesahan, walau bagaimana sekalipun terjadi; atau
  - b) apa-apa penolakan Kad atau PIN oleh mana-mana terminal di kedai luar Peniaga Rakan Kongsi atau apa-apa kegagalan untuk melaksanakan atau menyempurnakan apa-apa urusan niaga walau bagaimana sekalipun terjadi; atau
  - c) apa-apa kelewatan atau ketidakupayaan di pihak RHB Islamic untuk melaksanakan mana-mana obligasinya menurut Perjanjian ini disebabkan apa-apa kerosakan atau kegagalan elektronik, mekanikal, sistem, pemprosesan data atau telekomunikasi, atau apa-apa kejadian di luar kawalan mana-mana Peniaga Rakan Kongsi; atau
  - d) apa-apa kelewatan, ketidakupayaan atau keengganan di pihak Peniaga Rakan Kongsi untuk melaksanakan mana-mana obligasi mereka menurut perjanjian Peniaga Rakan Kongsi atas apa-apa sebab sekalipun.
13. Terma dan Syarat yang berkaitan yang ditonjolkan di dalam perjanjian ini adalah betul dan terpakai pada masa cetakan. Sila rujuk laman sesawang RHB di [www.rhbgroup.com](http://www.rhbgroup.com) bagi apa-apa pengemaskinian berkaitan Kad pada masa akan datang.

-Terma dan Syarat Tamat-  
Tarikh akhir dikemaskini 11 Oktober 2019